

## KEJUARAAN SILAT SEDUNIA

# Kelantan sediakan enam peserta lelaki, tiga wanita

18 OCT 1987  
B. Minggu (M)  
KELANTAN menyediakan enam pesilat lelaki dan tiga pesilat wanita bagi mengikuti pemilihan semula pesilat negara untuk Kejauaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini.

Sungguhpun Pesekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) belum lagi menentapkan tarikh pemilihan itu, mereka sudah pun bersedia untuk tujuan itu.

Guru Silat Terlak Empat Kehantan, Mohd Noor Mahmud, berkata pesilat-pesilat itu sudah menjalani latihan sejak tiga minggu lalu untuk tujuan itu.

Katanya, persiapan awal disusun selepas pihaknya mengetahui ura-ura Pesaka mengenai pemilihan semula pesilat untuk kejohanan itu.

Antara pesilat Kelantan itu, Abdullah Muhammad (pemenang pingat gergasi di Vienna), Shamsuddin Mohd Noor (kelas C), Kamarulzaman Yaacob (kelas D), Zukifli Shafie (kelas E), Mat Sidek Mamat (kelas F) dan Azam Abbas (pemenang pingat

gangsa di Jakarta).

Pesilat wanita pulak ialah Wan Amizah (kelas A), Tengku Azizah Tengku Ibrahim (kelas B) dan Wan Suziana Mohd Noor (kelas C). Bagaimanapun, kedudukan Wan Suziana belum dipastikan kerana dia perlu mendapat kebenaran keluarganya.

Mohd Noor berkata, sebelum ini ada ura-ura, Wan Suziana ingin bertanding semula tetapi berlakunya rasmi lagi. Beliau terpaksa menarik diri daripada mewakili negara ke Sukan SEA lalu kerana masalah perihadi.

Katanya: "Saya percaya pesilat-pesilat wanita itu akan mendapat tempat dalam barisan kebangsaan nanti. Ini berdasarkan keadaan fizikal dan latihan yang bersungguh-sungguh."

Menurutnya, ketika pemilihan Sukan SEA lalu, pesilat-pesilat wanita itu tidak sempat menjalani latihan dan gagal.

Mengenai kedudukan bekas pesilat kebangsaan, Abdullah Mohammad, guru silat itu memberitahu, pesilat berkenaan sudah cukup bersedia un-

tuk mewakili negara kali ini.

Mohd Noor menerangkan, pesilat itu kini pulih daripada kecederaan akibat patah tangan dan dia lebih cergas untuk mengekalkan pingat gergas yang diperolehi di Vienna, Austria tahun lalu.

■ PESERTA Silat Terbaik 1986, Ahmad Wardi Salim mendakwa Majlis Silat Negeri Melaka (MSNM) mengabaikan tanggungjawabnya kepada peserta-pesilat silat di negeri itu.

Katanya, MSNM tidak menyediakan kelebihan yang diperlukan oleh peserta silat di Melaka untuk latihan.

"Oleh kerana tidak mempunyai kelebihan yang cukup, saya dan rakan-rakan yang lain berlatih secara ala kadar sahaja," jelasnya.

Ahmad Wardi adalah peserta negara dalam kelas B di Sukan

SEA, Jakarta baru-baru ini dan memenangi pingat gergas.

Pesilat ini akan mewakili negara dalam kelas yang sama di Kejauaraan Silat Dunia di Kuala Lumpur Disember ini.

"Jika MSNM tidak dapat menyediakan kelebihan itu, saya terpaksa menunggu latihan lebih sempurna di Kuala Lumpur nanti," tambahnya.

Ahmad Wardi berharap mendapatkan musuh tradisinya Joko Wedodo dari Indonesia di kejohanan itu.

Bagaimanapun, dia masih mengalami kecederaan di kaki kanan dan menjangka akan sembuh akhir bulan ini atau bulan depan.

"Joko adalah peserta silat yang digeruni oleh semua pencabarannya, tetapi saya yakin mampu mengalahkannya kali ini," kata beliau.

